

Implikasi Propaganda Politik Seksual dalam Gerakan Wanita Indonesia (GERWANI) Terhadap Perkembangan Feminisme di Indonesia

The Implications of Sexual Political Propaganda in the Indonesian Women's Movement (GERWANI) on the Development of Feminism in Indonesia

Nor Mas Shazuwanie Md Hashim
¹Muhammad Rahimi Hasan

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹rahimihasan@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 01.08.2025
Revised date: 10.08.2025
Accepted date: 15.08.2025
Published date: 30.08.2025

ABSTRAK

Kajian ini meneliti kesan propaganda politik berasaskan seksual terhadap Gerakan Wanita Indonesia (GERWANI) selepas peristiwa 30 September 1965 serta implikasinya terhadap perkembangan feminisme di Indonesia. GERWANI merupakan antara organisasi wanita paling progresif pada era pasca-kolonial yang memperjuangkan hak wanita dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Namun, selepas insiden pembunuhan jeneral-jeneral Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang dikaitkan dengan Parti Komunis Indonesia (PKI), GERWANI menjadi sasaran utama propaganda Orde Baru. Mereka dituduh terlibat dalam aksi seksual yang kejam meskipun dakwaan tersebut tidak berasaskan bukti sahih. Hal ini membuktikan bagaimana naratif propaganda berasaskan seksual dimanipulasi untuk melemahkan gerakan wanita dan menyekat perkembangan feminisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian literatur, analisis dokumen sejarah serta temu bual mendalam dengan tiga informan utama iaitu Saskia E. Wieringa, Theresia Iswarini dan Lies Marcoes. Analisis tematik dilaksanakan secara sistematik dengan proses coding, pengelompokan tema dan triangulasi data. Penemuan menunjukkan bahawa propaganda ini bukan sahaja menghancurkan

GERWANI, tetapi turut memadam sejarah perjuangan wanita serta mencipta trauma kolektif jangka panjang. Kajian mencadangkan agar pendekatan sejarah yang inklusif, trauma-sensitive dan berasaskan teori feminisme digunakan bagi membina semula naratif feminisme yang adil serta berani.

Kata kunci: GERWANI, feminisme, propaganda politik seksual, Orde Baru, naratif sejarah

ABSTRACT

This study examines the impact of sexual-based political propaganda on the Indonesian Women's Movement (GERWANI) following the events of September 30, 1965 and its implications for the development of feminism in Indonesia. GERWANI was among the most progressive women's organizations in the post-colonial era, advocating for women's rights in the social, economic and political spheres. However, after the assassination of Indonesian Army generals allegedly linked to the Indonesian Communist Party (PKI), GERWANI became the primary target of New Order propaganda. They were accused of engaging in brutal sexual acts, despite the absence of credible evidence. This demonstrates how sexual-based political propaganda was manipulated to weaken women's movements and obstruct feminist progress. The study adopts a qualitative approach through literature review, historical document analysis, and in-depth interviews with three key informants: Saskia E. Wieringa, Theresia Iswarini and Lies Marcoes. Thematic analysis was systematically conducted through coding, theme clustering and data triangulation. Findings reveal that the propaganda not only destroyed GERWANI but also erased women's historical struggles and created long-term collective trauma. The study recommends an inclusive, trauma-sensitive and feminist theory-based historical approach in reconstructing a fair and courageous feminist narrative.

Keywords: GERWANI, feminism, sexual-based political propaganda, New Order, historical narrative

1. Pengenalan

Isu gender dan feminisme di Indonesia pasca kemerdekaan tidak dapat dipisahkan daripada peranan organisasi wanita seperti GERWANI. Jika pada awal feminisme menekankan tuntutan kesamarataan gender peringkat, perjuangan GERWANI lebih menumpukan kepada keadilan sosial, ekonomi dan politik untuk kaum wanita marhaen. Namun, selepas tragedi 1965, GERWANI difitnah melalui propaganda politik seksual sehingga mereka dianggap sebagai ancaman moral dan politik. Naratif ini digunakan untuk menjustifikasi penindasan serta menghapuskan legasi perjuangan wanita. Oleh itu, kajian ini berusaha menganalisis kesan propaganda tersebut terhadap feminisme Indonesia dengan menggunakan pendekatan teori feminisme yang menekankan tubuh, trauma dan wacana kuasa.

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektifnya tersendiri bagi menepati fokus utama kajian ini iaitu propaganda politik seksual dan dinamika feminisme. Sehubungan dengan itu, tiga objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menjelaskan latar belakang dan kedudukan status sosial wanita Indonesia pada era pasca kemerdekaan.
- ii. Mengkaji perjuangan organisasi wanita GERWANI ke arah pencapaian hak-hak wanita dalam konteks politik, sosial dan ekonomi pada era pasca kemerdekaan.
- iii. Menganalisis kesan propaganda politik seksual yang dilancarkan terhadap organisasi wanita, khususnya GERWANI, semasa peristiwa 30 September 1965 terhadap perjuangan feminisme di Indonesia.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Politik Seksual dalam Sejarah Indonesia*

Isu politik seksual dalam sejarah Indonesia, khususnya selepas peristiwa 3 September 1965, telah menjadi topik kajian penting dalam memahami bagaimana kekuasaan rejim Orde Baru digunakan untuk membentuk persepsi masyarakat terhadap organisasi wanita progresif. Kajian oleh Wieringa (2010) secara mendalam menganalisis bagaimana propaganda seksual dijadikan senjata politik untuk menghancurkan GERWANI. Dalam naratif yang dibentuk oleh rejim, anggota GERWANI dituduh melakukan penyeksaan seksual terhadap jeneral-jeneral TNI, walaupun tiada bukti sahih yang menyokong dakwaan tersebut. Propaganda ini digunakan untuk mewujudkan rasa takut dan kebencian masyarakat terhadap GERWANI serta membenarkan tindakan ganas terhadap anggotanya.

Adam (2007) turut menjelaskan bahawa politik seksual merupakan strategi yang berkesan kerana ia menyentuh nilai-nilai moral masyarakat yang sangat konservatif. Naratif seksual yang melibatkan wanita seringkali menimbulkan kebencian yang mendalam kerana dilihat sebagai bertentang dengan budaya Timur. Dalam konteks ini, propaganda terhadap GERWANI bukan sahaja menghapuskan legitimasi politik mereka, tetapi juga menghakis solidariti dalam kalangan organisasi wanita yang lain. Kajian ini memperlihatkan bagaimana seksualiti dimanipulasi untuk mempertahankan status quo serta memadamkan suara-suara alternatif yang menuntut keadilan dan kesamarataan gender.

2.2 *Dinamika GERWANI sebagai Organisasi Progresif*

Dalam banyak kajian berkaitan sejarah gerakan wanita di Indonesia, GERWANI sering digambarkan sebagai organisasi yang unik dan radikal dalam pendekatannya. Blackburn (2004) menekankan bahawa GERWANI bukan sekadar organisasi kebajikan, tetapi satu kekuatan politik akar umbi yang memperjuangkan hak-hak wanita miskin, petani, buruh dan mereka yang terpinggir daripada pembangunan nasional. GERWANI menganjurkan kelas celik huruf, kursus kepimpinan wanita dan koperasi ekonomi untuk meningkatkan keupayaan wanita dalam pelbagai bidang kehidupan. Mereka turut terlibat dalam demonstrasi menuntut reformasi tanah, kesihatan percuma dan perlindungan pekerja wanita.

Ford (2008) pula melihat GERWANI sebagai cerminan feminisme Indonesia yang bercirikan lokal, anti-kolonial dan berpaksikan rakyat. Melalui sokongan terhadap dasar-dasar revolusioner Presiden Sukarno serta hubungan dengan PKI, GERWANI menolak feminisme borjuis yang berorientasikan golongan elit. Sebaliknya, mereka mendekati wanita marhaen dan memperjuangkan perubahan sistematis yang lebih menyeluruh. GERWANI memperlihatkan bahawa perjuangan feminisme tidak semestinya perlu berasing dari pada kelas dan keadilan sosial. Kedua-dua kajian ini membuka ruang penting dalam memahami bagaimana sejarah GERWANI harus dilihat dari sudut perjuangan rakyat dan bukannya semata-mata dikaburkan oleh propaganda politik Orde Baru.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 *Tatacara Pengumpulan Data*

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian literatur, analisis dokumen sejarah dan temu bual mendalam. Temu bual dilaksanakan bersama tiga informan utama:

- i. Saskia E. Wieringa – seorang sarjana terkemuka dalam bidang kajian gender dan feminisme dari Belanda. Beliau telah banyak menghasilkan kajian tentang GERWANI serta membongkar naratif propaganda seksual politik yang digunakan untuk melemahkan gerakan wanita selepas peristiwa 1965. Temu bual bersama beliau yang dijalankan secara talian memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana ideologi komunisme mempengaruhi perjuangan GERWANI serta cabaran yang mereka hadapi dalam konteks politik, sosial dan ekonomi.
- ii. Theresia Iswarini – salah seorang pemimpin kanan di Komisi Nasional Anti Kekerasan terhadap Perempuan (Komnas Perempuan), institusi nasional hak asasi manusia yang memberi fokus kepada perlindungan hak wanita di Indonesia. Temu bual secara talian bersama beliau memberi gambaran mengenai bagaimana organisasi wanita kontemporari menghadapi sentimen anti-komunis serta kesan jangka panjang propaganda politik seksual terhadap feminisme di Indonesia.
- iii. Lies Marcoes – seorang aktivis, pengkaji dan penulis tersohor dalam isu gender, politik dan Islam di Indonesia. Temu bual bersama beliau dijalankan secara bersemuka di Kuala Lumpur, Malaysia.

Analisis tematik digunakan dengan langkah-langkah berikut:

- i. *Initial coding* – mengenal pasti isu utama daripada data primer dan sekunder.
- ii. *Theme clustering* – mengelompokkan data kepada tema: propaganda tubuh wanita, trauma kolektif, stigma anti-komunis, strategi pemulihan.
- iii. Triangulasi data – membandingkan dapatan literatur, dokumen sejarah dan temu bual untuk memastikan kebolehpercayaan.

3.2 *Analisis Data*

Ketiga-tiga temu bual ini dianalisis secara menyeluruh menggunakan pendekatan analisis tematik untuk mengenal pasti pola dan tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Selain itu, kajian juga melibatkan analisis dokumen sejarah, termasuk laporan hak asasi manusia, propaganda Orde Baru, arkib organisasi wanita serta laporan-laporan penting seperti Amnesty International (1977) dan dokumen yang diterbitkan oleh Komnas Perempuan. Pendekatan revisionis sejarah turut digunakan dalam kajian ini bagi menilai semula naratif dominan yang

selama ini meminggirkan suara wanita serta memberi ruang kepada tafsiran sejarah yang lebih adil dan berasaskan prinsip hak asasi manusia.

Bagi *type of data*, kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual mendalam dengan pakar dan aktivis wanita, serta analisis terhadap dokumen sejarah dan laporan hak asasi manusia yang relevan dengan GERWANI. Data sekunder pula terdiri daripada kajian literatur yang melibatkan buku, jurnal akademik, tesis serta laporan organisasi wanita mengenai perjuangan GERWANI dan propaganda politik seksual. Gabungan sumber ini membantu kajian ini untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana GERWANI memperjuangkan hak wanita dan bagaimana propaganda politik seksual memberi impak terhadap gerakan feminisme di Indonesia. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang disokong oleh pendekatan revisionis, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perjuangan organisasi wanita pasca kemerdekaan dengan lebih objektif serta mengkaji kesan jangka panjang propaganda politik seksual terhadap aktivisme wanita di Indonesia.

3.3 Kawasan Kajian

Fokus utama kajian ini adalah negara Indonesia, khususnya yang berkaitan dengan konteks sejarah pasca peristiwa 30 September 1965. Lokasi penting yang diteliti dalam kajian ini termasuk Jakarta Timur, khususnya kawasan Lubang Buaya, yang menjadi simbol utama dalam naratif Orde Baru berkaitan insiden pembunuhan jeneral-jeneral TNI. Lubang Buaya sering kali disebut dalam propaganda sebagai lokasi di mana kononnya ahli GERWANI melakukan penyeksaan terhadap para jeneral, walaupun dakwaan ini telah dinafikan oleh banyak kajian akademik moden (Wieringa 2010). Oleh itu, kawasan ini penting untuk difahami sebagai ruang simbolik yang digunakan dalam pembentukan naratif politik seksual terhadap GERWANI.

4.1 Dapatan dan Perbincangan

4.1 Strategi Propaganda Seksual terhadap GERWANI

JADUAL 1: Kronologi Peminggiran GERWANI dan Penindasan Pasca-1965

Tahun	Peristiwa Utama	Kesan terhadap Wanita
1965	Kudeta G30S/PKI & tuduhan terhadap GERWANI	Penangkapan besar-besaran aktivis wanita
1966–1980an	Orde Baru memantapkan naratif propaganda seksual	Penghapusan sejarah GERWANI dalam kurikulum & media
1998	Reformasi Indonesia	Ruang terbuka untuk wacana alternatif
2000–kini	Pemulihan sejarah oleh NGO & akademik	Usaha dokumentasi, pemulihan nama & naratif alternatif

Sumber: Disusun berdasarkan Wieringa (2010), Komnas Perempuan (2022), hasil temu bual penulis

4.1.1 Propaganda dan Tubuh Wanita

Rejim Orde Baru memanipulasi tubuh wanita GERWANI sebagai simbol kekejaman melalui filem Pengkhianatan G30S/PKI dan media cetak. Naratif ini selari dengan konsep kuasa wacana

(Foucault) yang menundukkan tubuh wanita melalui imej dan representasi. Dengan menggambarkan wanita sebagai pelaku seksual ganas, negara berjaya membentuk persepsi bahawa feminisme adalah ancaman terhadap moral bangsa.

4.1.2 *Stigma dan Trauma Kolektif*

Seperti yang diujahkan Wieringa (2010, 2025), propaganda ini menghasilkan trauma kolektif yang diwarisi generasi ke generasi. Bekas ahli GERWANI kehilangan pekerjaan, ditolak masyarakat dan hidup dalam ketakutan. Konsep *trauma-sensitive* feminism perlu diterapkan untuk memahami bagaimana sejarah ini mempengaruhi gerakan feminisme kontemporari.

“...Ini bukan hanya luka peribadi. Fitnah itu telah mencipta trauma kolektif yang hidup dalam tubuh bangsa. Saya menemui ramai wanita hari ini yang masih merasa takut, tetapi mereka sendiri tidak tahu asal-usul ketakutan itu. Ia diwariskan dari generasi ke generasi kerana negara menutup ruang untuk membicarakan sejarah sebenar. Selagi kita tidak mengakui kebenaran sejarah ini, gerakan feminisme akan terus bergerak dengan penuh keraguan. Trauma yang tidak dipulihkan akan menjadi bayang-bayang yang melemahkan keberanian wanita untuk bersuara...”

(Wieringa 2025)

4.1.3 *Pengaruh filem dan media kerajaan*

Media kerajaan memainkan peranan yang sangat besar dalam menyebarkan naratif propaganda terhadap GERWANI. Filem “Pengkhianatan G30S/PKI” yang diwajibkan tayangannya setiap tahun di sekolah-sekolah dan institusi kerajaan menjadi alat utama dalam menyebarkan versi rasmi sejarah yang berat sebelah. Dalam filem ini, ahli GERWANI digambarkan sebagai wanita liar dan kejam, melakukan kekejaman terhadap para jeneral dengan penuh rasa gembira. Visualisasi ini sangat kuat dan memberi kesan mendalam kepada penonton, terutama generasi muda yang tidak mengalami peristiwa sebenar.

Melalui penggunaan elemen visual, dramatik dan naratif satu hala, filem ini berjaya mencipta persepsi bahawa GERWANI adalah ancaman besar kepada negara dan moral masyarakat. Sementara itu, media cetak seperti majalah, akhbar dan risalah rasmi pula turut menyebarkan laporan yang mengaitkan GERWANI dengan kekejaman serta ideologi komunisme secara langsung. Banyak daripada laporan ini bersifat satu hala, tanpa peluang untuk mempertanyakan diri atau membetulkan fakta. Hal ini menyebabkan sejarah GERWANI dikaburkan oleh propaganda dan menjadi sukar untuk dibincangkan secara objektif hingga ke hari ini.

Pengaruh propaganda ini masih dapat dirasai dalam masyarakat Indonesia hari ini, apabila sebarang usaha untuk membincangkan semula peranan GERWANI sering kali ditentang dan dilabel sebagai pro-komunis. Kesan dari penggunaan filem dan media ini telah mencipta trauma kolektif dan stigma yang berpanjangan terhadap gerakan wanita, menjadikan perjuangan feminisme di Indonesia terus dibayangi oleh ketakutan serta salah faham sejarah.

4.1.4 *Strategi Feminisme Kontemporari*

Organisasi moden seperti Komnas Perempuan dan Solidaritas Perempuan cuba memulihkan sejarah melalui dokumentasi, seni dan pendidikan kritis. Pendekatan feminisme Islam yang dibawa oleh Lies Marcoes menawarkan strategi dialog antara agama dan feminisme sebagai jalan keluar daripada dominasi tafsir konservatif. Ini menunjukkan potensi strategi praktikal dalam menghubungkan feminisme sekular dan feminisme berasaskan agama.

4.2 Implikasi terhadap Gerakan Wanita

4.2.1 Stigma anti-komunis dalam organisasi moden

Salah satu kesan paling ketara daripada propaganda politik seksual yang dilancarkan terhadap GERWANI ialah wujudnya stigma anti-komunis yang kuat dalam kalangan organisasi wanita moden di Indonesia. Sejak era Orde Baru, mana-mana bentuk aktivisme yang bersifat radikal atau membawa naratif feminisme akar umbi mudah dicap sebagai berhaluan kiri atau berbau komunis. Hal ini menyebabkan banyak organisasi wanita, termasuk yang progresif, terpaksa mengelak daripada mengaitkan perjuangan mereka dengan sejarah GERWANI, walaupun aspirasi dan prinsip perjuangannya hampir sama.

Menurut Iswarini (2025), sehingga hari ini ramai aktivis wanita masih memilih untuk tidak bercakap secara terbuka tentang sejarah GERWANI kerana takut dilabel sebagai penyokong komunis. Organisasi seperti Komento atau Kestra lebih selesa menggunakan pendekatan hak asasi manusia yang dianggap lebih 'selamat' dan tidak secara langsung mencabar kuasa yang ada. Beliau menegaskan bahawa:

“...Dalam banyak dialog dengan aktivis muda, kami lihat sendiri bahawa mereka sangat berhati-hati untuk menyebut GERWANI, seolah-olah ia masih sesuatu yang berbahaya. Ini membuktikan betapa kuatnya sisa-sisa propaganda Orde Baru, walaupun sudah lebih dua dekad berlalu...”

(Iswarini 2025)

Walaupun pendekatan ini sesuai dengan keadaan politik sekarang, ia juga menyebabkan generasi aktivis hari ini terputus hubungan dengan sejarah perjuangan wanita yang terdahulu. Ini menunjukkan bagaimana stigma anti-komunis telah berjaya menjauhkan gerakan feminisme moden daripada akar sejarahnya sendiri dan akhirnya melemahkan kesinambungan serta kekuatan perjuangan wanita di Indonesia.

4.2.2 Kesan trauma jangka panjang terhadap aktivisme

Propaganda terhadap GERWANI bukan sekadar memusnahkan organisasi itu, tetapi turut meninggalkan kesan trauma mendalam terhadap aktivisme wanita di Indonesia yang berpanjangan sehingga ke hari ini. Bekas ahli GERWANI dan keluarga mereka hidup dalam ketakutan, diskriminasi serta tekanan sosial yang sangat kuat. Ramai antara mereka kehilangan pekerjaan, tidak dapat menyambung pendidikan serta dijauhi oleh komuniti setempat hanya kerana dituduh terlibat dengan GERWANI, meskipun tanpa bukti kukuh. Trauma kolektif ini diwariskan secara turun-temurun kepada generasi seterusnya, menjadikan sebarang bentuk aktivisme wanita yang berani dan lantang terus dipandang dengan curiga. Kajian Universitas Gadjah Mada dan laporan Komnas Perempuan menunjukkan bahawa banyak wanita yang ‘digerwani-kan’, iaitu dilabel sebagai anggota GERWANI tanpa pernah menjadi ahli turut

menerima akibat yang sama, termasuk kekerasan seksual, pemenjaraan tanpa bicara dan pengawasan ketat. Dalam dokumentari seperti *The Act of Killing* dan *The Look of Silence*, dipaparkan bagaimana komuniti yang terlibat masih belum dapat bercakap secara bebas tentang peristiwa 1965. Saskia Wieringa (2025) dalam temu bual menyatakan bahawa propaganda seksual terhadap GERWANI telah mencipta “trauma kolektif yang tidak hanya hidup dalam tubuh mangsa, tetapi juga dalam tubuh bangsa.” Beliau menjelaskan bahawa banyak wanita hari ini mewarisi rasa takut tanpa mengetahui punca sejarahnya secara jelas, kerana tidak pernah diberi peluang untuk mengenalinya melalui pendidikan atau wacana rasmi:

“...Ini bukan sekadar trauma peribadi, ini trauma negara yang diwariskan. Selagi kita tidak mengakuinya, aktivisme akan terus dibayangi rasa takut...”

(Wieringa 2025)

Akibatnya, banyak aktivis wanita hari ini terpaksa mengambil pendekatan berhati-hati, walaupun perjuangan mereka adalah untuk keadilan dan kesaksamaan. Trauma ini menghalang ramai wanita daripada tampil ke depan dalam ruang awam, dan mencetuskan bentuk *autocensorship* atau ‘penapisan diri’ yang melumpuhkan gerakan akar umbi.

Kesan jangka panjang ini menunjukkan bahawa propaganda politik bukan sahaja berfungsi untuk memusnahkan organisasi pada masa itu, tetapi juga untuk melumpuhkan semangat perjuangan masa depan. Tanpa usaha menyembuhkan trauma dan mengangkat semula kebenaran sejarah, gerakan feminisme Indonesia akan terus dibayangi ketakutan, stigma serta kekeliruan terhadap identitinya sendiri. Maka, penting untuk menerapkan pendekatan *trauma-sensitive* dan pendidikan sejarah yang adil agar legasi perjuangan GERWANI tidak terus dilupakan.

4.3 Usaha Pemulihan dan Perlawanan Naratif

4.3.1 Peranan Institusi dan Masyarakat Sipil

Dalam usaha untuk memulihkan semula maruah serta sejarah perjuangan GERWANI, institusi dan organisasi masyarakat sivil memainkan peranan yang sangat penting, khususnya dalam menghadapi kekosongan pengakuan rasmi daripada pihak kerajaan. Antara institusi utama yang terlibat ialah Komnas Perempuan, yang telah mengambil inisiatif mendokumentasikan pengalaman mangsa yang terlibat dalam tragedi 1965, terutamanya wanita yang menjadi mangsa propaganda seksual dan penindasan rejim Orde Baru. Komnas Perempuan telah menjalankan kajian lapangan, menerbitkan laporan dan menyediakan ruang testimoni bagi membolehkan suara mangsa yang selama ini dibungkam dapat didengari semula oleh masyarakat umum. Iswarini (2025) menyatakan bahawa dokumentasi ini bukan sahaja penting dari sudut akademik dan sejarah, tetapi juga berperanan besar dalam memulihkan harga diri mangsa serta membuka peluang kepada proses keadilan sosial dan pengiktirafan naratif alternatif:

“...Kami tidak hanya menulis laporan, kami mendengar tangisan yang sudah berpuluh tahun tidak diberi ruang. Ini adalah tentang pemulihan martabat manusia...”

(Iswarini 2025)

Selain itu, organisasi masyarakat sivil seperti Solidaritas Perempuan, yang sejak awal Reformasi Indonesia aktif memperjuangkan hak-hak wanita marjinal dan mangsa konflik, turut memainkan peranan yang signifikan dalam menyuarakan isu pemulihan sejarah GERWANI. Mereka mendekati isu ini dengan pendekatan feminisme berasaskan komuniti (*grassroots feminism*) melalui program pendidikan politik, bengkel kesedaran hak wanita serta aktivisme budaya seperti teater, seni visual dan filem dokumentari yang membawa naratif mangsa ke ruang awam. Solidaritas Perempuan juga berperanan sebagai penghubung antara mangsa dengan kelompok profesional seperti peguam hak asasi, pengkaji sejarah dan penggubal dasar, bagi menekan kerajaan agar mengambil tanggungjawab terhadap ketidakadilan sejarah yang berlaku. Usaha kolektif ini mencerminkan pentingnya peranan masyarakat sivil dalam mencabar hegemoni naratif negara, menyusun kembali sejarah dari perspektif mangsa serta memperkuat gerakan feminisme kontemporari di Indonesia yang masih berhadapan dengan warisan trauma dan stigma sejarah.

4.3.2 Cabaran Tafsir Agama Konservatif

Salah satu cabaran paling besar yang dihadapi oleh gerakan feminisme di Indonesia adalah dominasi tafsir agama yang bersifat konservatif dan patriarkal, yang telah sekian lama membentuk cara pandang masyarakat terhadap peranan serta kedudukan wanita. Tafsir agama yang berakar daripada struktur sosial tradisional ini sering kali mengekang aktivisme wanita dengan mendefinisikan peranan wanita secara sempit, iaitu sebagai isteri yang taat, ibu yang mendidik anak-anak dan penjaga moral keluarga. Sebarang usaha wanita untuk keluar daripada kerangka ini dan melibatkan diri secara aktif dalam ruang awam, termasuk politik serta sosial, sering dituduh melanggar norma agama dan budaya. Hal ini secara langsung menghalang kebangkitan feminisme yang lebih progresif, kerana wacana agama yang dominan biasanya digunakan untuk mematahkan hujah-hujah feminis atas nama "kesucian agama" dan "keluarga tradisional".

Propaganda terhadap GERWANI pasca peristiwa 1965 turut dimanipulasi melalui wacana keagamaan untuk mengukuhkan imej negatif terhadap wanita yang terlibat dalam gerakan kiri atau progresif. Mereka bukan sahaja dituduh komunis, malah digambarkan sebagai tidak bermoral, atheis dan menolak peranan wanita dalam acuan agama yang dianggap benar. Keadaan ini mewujudkan ketakutan mendalam dalam kalangan wanita untuk terlibat dalam aktivisme, kerana mereka bukan sahaja berisiko ditindas oleh negara, malah akan menerima kecaman dari institusi agama dan masyarakat secara umum. Dalam konteks ini, Lies Marcoes, seorang feminis Muslimah terkemuka di Indonesia, menekankan perlunya keberanian untuk mencabar wacana agama yang menindas dan membuka ruang tafsir alternatif yang lebih adil kepada wanita. Beliau menyatakan:

“...Saya kira benar bahwa pemulihan citra GERWANI dan juga kebangkitan gerakan feminisme secara umum di Indonesia tidak akan sepenuhnya berhasil tanpa adanya keberanian untuk mempertanyakan dan menantang tafsir agama yang konservatif dan patriarkal. Tapi ini bukan berarti kita menolak agama itu sendiri. Banyak feminis Muslim, termasuk saya sendiri, berupaya membaca ulang teks-teks agama dengan pendekatan yang lebih kontekstual dan adil...”

(Marcoes 2025)

Lies Marcoes juga menekankan bahawa ruang dialog antara feminisme dan agama perlu dibuka agar tidak timbul konflik yang tidak produktif. Menurut beliau:

“...Kita harus membuka ruang dialog antara iman dan keadilan. Feminis Muslimah bukan hanya menawarkan alternatif tafsir, tetapi juga membuktikan bahawa menjadi religius dan memperjuangkan hak perempuan bukanlah dua hal yang bertentangan...”

(Marcoes 2025)

Petikan ini menunjukkan bahawa walaupun agama sering dijadikan halangan dalam perjuangan wanita, ia juga boleh menjadi sumber kekuatan apabila ditafsir semula secara kritikal dan progresif. Strategi feminisme Islam yang dilakukan oleh tokoh seperti Marcoes menawarkan jalan tengah yang penting untuk membina solidariti antara kelompok agama dan gerakan hak wanita. Namun, cabaran utama ialah bagaimana membina keberanian intelektual dan politik untuk melawan hegemoni tafsir tunggal, serta mendidik masyarakat agar lebih terbuka terhadap kepelbagaian pandangan dalam agama yang selari dengan prinsip keadilan gender.

4.4 Perbincangan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa propaganda politik seksual terhadap GERWANI bukan sahaja bertujuan untuk membungkam satu organisasi, tetapi juga berfungsi sebagai strategi sistemik rejim Orde Baru untuk mengawal naratif sejarah dan memadamkan perjuangan wanita yang progresif. Dengan memanipulasi imej seksual wanita dalam propaganda negara, kerajaan Soeharto berjaya mencipta satu bentuk penindasan yang menyeluruh terhadap aktivisme wanita. Tuduhan bahawa anggota GERWANI terlibat dalam tindakan seksual kejam, walaupun tanpa bukti sah disebarikan melalui media, pendidikan dan budaya popular, sehingga menjadi kebenaran ‘rasmi’ dalam kesedaran masyarakat.

Kesannya sangat mendalam. Selain GERWANI dibubarkan, ribuan wanita ditangkap, diseksa, dilabel sebagai "tidak bermoral" dan disisih daripada masyarakat. Trauma ini tidak hanya berhenti pada individu, tetapi diwarisi secara kolektif oleh generasi seterusnya, terutama anak dan cucu bekas aktivis. Ini mewujudkan stigma sosial yang berpanjangan, di mana banyak wanita masa kini masih takut untuk mengaitkan diri dengan sejarah GERWANI kerana bimbang dikaitkan dengan komunisme. Lebih menyedihkan, naratif yang berat sebelah ini telah meminggirkan suara wanita dalam wacana sejarah rasmi negara. Seperti yang dinyatakan oleh Wieringa, sejarah progresif wanita Indonesia dihapus secara sistematik melalui dasar pendidikan dan media negara, menjadikan feminisme satu ancaman moral dalam persepsi umum. Dalam temu bual, beliau menegaskan:

“...Naratif sejarah negara telah menjadikan feminisme tampak asing dan berbahaya. Wanita-wanita yang pernah memperjuangkan hak kolektif kini digambarkan sebagai ancaman moral dan agama...”

(Wieringa 2025)

Akibat daripada trauma sejarah ini, gerakan wanita pasca-GERWANI tampil dengan pendekatan yang jauh lebih berhati-hati dan teknokratik. Suryakusuma (2011) menyatakan bahawa selepas kejatuhan GERWANI, banyak organisasi wanita berusaha mengelakkan label ideologikal dan memilih untuk berjuang melalui pendekatan pembangunan, pendidikan, kesihatan dan dasar awam yang tidak mengganggu sensitiviti politik atau agama. Pendekatan ini bersifat lebih pragmatik dan berusaha menyesuaikan tuntutan hak wanita dalam kerangka yang boleh diterima oleh masyarakat umum serta pemerintah. Sebagai contoh, Komnas Perempuan mengambil pendekatan inklusif yang tidak bersifat konfrontatif. Institusi ini memberi fokus kepada pendokumentasian kes-kes kekerasan terhadap wanita, penganjuran dialog antara agama dan budaya, serta pembangunan dasar yang bersifat *trauma-sensitive*, terutamanya dalam menangani kesan jangka panjang tragedi 1965 terhadap perempuan. Iswarini (2025) dalam temubual menyatakan bahawa:

“...Kami tidak hanya menyusun data, kami mendengar trauma yang diwariskan dari generasi ke generasi. Ia tidak boleh dipulihkan tanpa pengakuan sejarah yang jujur...”
(Iswarini 2025)

Lies Marcoes Foundation juga menjalankan pelbagai program kesedaran gender yang bersandar kepada nilai Islam progresif, dengan menggunakan pendekatan psikososial yang memahami latar belakang trauma komuniti sasaran. Kedua-dua organisasi ini menunjukkan bagaimana gerakan wanita kontemporari di Indonesia cuba mengimbangi antara keperluan perubahan dan realiti politik serta budaya yang masih menekan. Namun, usaha pemulihan ini masih tersekat oleh kekuasaan tafsir dominan, termasuk tafsir agama yang konservatif. Dalam konteks Indonesia yang majoriti Muslim, gerakan feminisme sering disalahertikan sebagai bertentangan dengan nilai Islam. Aktivis feminis Muslimah, walaupun menggunakan hujah-hujah agama untuk menuntut keadilan gender, tetap berdepan dengan kecaman dan tuduhan sesat. Lies Marcoes menjelaskan bahawa tanpa keberanian mencabar tafsir agama yang patriarkal, pemulihan sejarah GERWANI dan pembebasan wanita tidak akan tercapai sepenuhnya:

“...Saya kira benar bahawa pemulihan citra GERWANI dan juga kebangkitan gerakan feminisme secara umum di Indonesia tidak akan sepenuhnya berhasil tanpa adanya keberanian untuk mempertanyakan dan menantang tafsir agama yang konservatif dan patriarkal...”
(Marcoes 2025)

Lies Marcoes turut menekankan bahawa ruang dialog antara feminisme dan agama perlu dibuka agar tidak timbul konflik yang tidak produktif. Beliau menambah:

“...Kita harus membuka ruang dialog antara iman dan keadilan. Feminis Muslimah bukan hanya menawarkan alternatif tafsir, tetapi juga membuktikan bahawa menjadi religius dan memperjuangkan hak perempuan bukanlah dua hal yang bertentangan...”
(Marcoes 2025)

Saskia Wieringa menyokong pandangan ini dan menekankan bahawa feminisme yang menghormati keragaman budaya dan agama perlu diberi ruang dalam wacana rasmi serta pendidikan. Beliau menyatakan bahawa perpecahan antara feminisme sekular dan Islam tidak boleh dibiarkan menjadi halangan terhadap perjuangan bersama:

“...Selagi kita membiarkan feminisme terpecah oleh ideologi, kita akan kalah oleh sistem yang jauh lebih besar serta sistem yang telah berjaya menundukkan GERWANI dengan fitnah dan kekerasan...”

(Wieringa 2025)

Begitu juga, Iswarini percaya bahawa gerakan wanita masa kini harus membina solidariti di atas pengalaman bersama sebagai mangsa ketidakadilan struktur. Beliau mencadangkan agar aktivis wanita membina wacana silang antara agama dan hak asasi, yang menghormati perbezaan tetapi tetap bersatu dalam tuntutan keadilan sosial:

“...Dialog antara feminisme Islam dan sekular perlu dibina atas dasar pengalaman bersama iaitu trauma, marginalisasi dan keinginan untuk masa depan yang lebih adil.”

(Iswarini 2025)

Strategi kolaboratif seperti program pendidikan kesedaran, advokasi undang-undang dan forum bersama boleh menjadi landasan untuk membina kepercayaan antara dua arus feminisme ini. Ketika mereka bekerja bersama dalam isu-isu konkrit seperti keganasan rumah tangga, kesihatan reproduktif atau pemulihan sejarah, kepercayaan dan solidariti terbina secara semula jadi.

Akhirnya, perbincangan ini menunjukkan bahawa perjuangan untuk membela sejarah GERWANI bukan hanya perjuangan untuk membetulkan fakta sejarah, tetapi juga usaha menuntut keadilan jantina, kebebasan bersuara dan pengiktirafan terhadap agensi wanita. Ia memerlukan keberanian, kerjasama merentas ideologi serta perubahan struktur dalam institusi negara dan agama agar suara wanita tidak lagi disenyapkan oleh sejarah, stigma serta kuasa.

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini membuktikan bahawa propaganda politik berasaskan seksual terhadap GERWANI merupakan strategi sistemik Orde Baru untuk menghapuskan organisasi wanita progresif. Implikasinya bukan sahaja terhadap sejarah, tetapi juga kepada gerakan feminisme yang masih dibayangi stigma anti-komunis dan trauma kolektif.

Kesan daripada propaganda ini sangat mendalam dan berpanjangan. Ia telah mencipta trauma intergenerasi, stigma sosial serta peminggiran sejarah perjuangan wanita dalam wacana rasmi negara. Kajian ini juga membuktikan bahawa propaganda politik seksual terhadap GERWANI telah melemahkan gerakan feminisme Indonesia dalam jangka panjang. Selepas kejatuhan GERWANI, gerakan wanita menjadi lebih berhati-hati dan mengambil pendekatan teknokratik serta kurang konfrontatif, seperti yang dijelaskan oleh Suryakusuma (2011). Hal ini mengurangkan kekuatan gerakan wanita dalam mencabar struktur patriarki secara langsung.

Dalam konteks ini, pemulihan sejarah GERWANI bukan sekadar soal pengiktirafan sejarah, tetapi satu langkah penting untuk membina semula kekuatan feminisme Indonesia yang lebih berani dan berprinsip. Naratif sejarah negara perlu ditinjau semula secara adil dan inklusif dengan mengambil kira suara mangsa, aktivis wanita serta kajian akademik bebas. Usaha ini bukan sahaja penting untuk keadilan sejarah, tetapi juga untuk mengukuhkan gerakan feminisme yang lebih peka terhadap konteks budaya, agama dan politik.

Lebih penting lagi, kajian ini mencadangkan agar usaha pemulihan sejarah wanita Indonesia melibatkan pendekatan hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Penyelidikan lanjut disarankan melibatkan Konvensyen Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) sebagai kerangka hak wanita antarabangsa yang relevan untuk menuntut keadilan sejarah. Pendekatan undang-undang antarabangsa boleh memberi tekanan moral dan politik kepada kerajaan Indonesia agar mengiktiraf pelanggaran hak yang berlaku serta memperbaikinya melalui tindakan dasar dan pendidikan awam.

Cadangan:

i. Pemulihan sejarah rasmi

Pengakuan negara terhadap ketidakadilan yang dilakukan terhadap GERWANI dan melakukan pemulihan nama baik secara rasmi. Ini termasuk pengakuan negara terhadap pemalsuan fakta sejarah, pembebasan simbolik terhadap mangsa serta pemulihan hak sivil dan moral mereka yang dituduh secara tidak sah.

ii. Pendidikan sejarah kritis

Kurikulum sejarah di sekolah dan universiti harus menyentuh naratif alternatif berdasarkan penyelidikan akademik, sejarah lisan serta sumber mangsa. Ini akan membantu generasi baharu memahami sejarah secara lebih objektif dan menghargai perjuangan wanita yang selama ini dipadamkan.

iii. Dialog feminisme sekular dan Islam

Kerjasama antara dua pendekatan feminisme ini perlu diperkukuh melalui dialog terbuka, program advokasi bersama dan pendekatan yang menghormati kepelbagaian. Ini penting agar feminisme Indonesia lebih inklusif dan strategik dalam menuntut keadilan sosial.

iv. Dokumentasi masyarakat sivil

Organisasi masyarakat sivil perlu memperluaskan dokumentasi sejarah lisan, menghasilkan filem, teater dan seni visual yang memberi ruang kepada naratif alternatif tentang GERWANI serta wanita Indonesia. Medium seni dan budaya berpotensi menjadi alat pendidikan serta pemulihan yang efektif.

v. Media progresif dan digital

Platform digital perlu dimanfaatkan secara kreatif untuk menyebarkan naratif sejarah alternatif, mendidik masyarakat dan menghubungkan generasi muda dengan perjuangan wanita Indonesia. Kempen media sosial, dokumentari dalam talian dan pameran maya boleh memainkan peranan besar.

Dengan melaksanakan cadangan ini, kajian ini berharap agar sejarah tidak lagi digunakan sebagai alat untuk menindas, sebaliknya menjadi medan perjuangan untuk membela kebenaran, memperkasakan wanita dan membina masyarakat yang lebih adil serta bermaruah.

Penghargaan/Acknowledgements

Penulis mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua pihak dalam membantu kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Afrianty, D. (2016). *Islamic Education and Youth Extremism in Indonesia*. In N. Hassan (Ed.), *Faith and Politics in Indonesia*. Institute of Southeast Asian Studies. 95-110.
- Amnesty International. (1977). *Indonesia: An Amnesty International Report*. Amnesty International Publications. <https://www.amnesty.org/en/documents/asa21/022/1977/en/> [Tarikh akses: 1 Januari 2025].
- Bush, R. (2009). *Indonesia's Political Economy: Growth, Inequality and Democratic Governance*. Routledge.
- Freedman, E. B. (2001). *No Turning Back: The History of Feminism and the Future of Women*. Ballantine Books.
- Iswarini, T. (2025). Temubual dalam talian melalui Google Meet oleh Nor Mas Shazuwanie, 4 Mac 2025.
- Lindsey, T. (2019). *Islam, Law and the State in Southeast Asia Volume I: Indonesia*. I.B. Tauris.
- Marcoes, L. (2025). Temubual di Kuala Lumpur oleh Nor Mas Shazuwanie, 27 Mei 2025.
- Mietzner, M. (2018). *Indonesia: Why Democratization has not led to Liberalization*. *Journal of Democracy*, 29(4). 89–103.
- Muslim Pohan. (2018). *Politik Seksual: Fitnah Terhadap Organisasi Wanita Pasca Kemerdekaan di Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Suryakusuma, J. I. (1996). *State Ibuism: The Social Construction of Womanhood in New Order Indonesia*. *Asian Studies Review*, 20(3). 63–73.
- Suryakusuma, J. I. (2011). *Ibuisme Negara: Konstruk Sosial Perempuan Orde Baru Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu.

Wieringa, S. E. 2010. *Penghancuran Gerakan Perempuan: Politik Seksual di Indonesia Pascakejatuhan PKI*. New York: Palgrave Macmillan. 106-129.

Wieringa, S. (2025). Temubual dalam talian melalui Zoom oleh Nor Mas Shazuwanie, 17 Januari 2025.